



KOD ETIKA KERJA

Memartabatkan Nilai-Nilai Teras Kemanusiaan

KOD ETIKA KERJA - EVENING CREST SDN BHD

Di Evening Crest Sdn Bhd, kejayaan anda bukan hanya dinilai mengikut keputusan yang anda capai, tetapi juga melalui cara anda mencapainya. Melaksanakan tugas-tugas anda dengan cara yang beretika adalah tanggungjawab peribadi anda dan anda perlu mengetahui, memahami dan mematuhi Kod Etika Kerja ini.

Standard etika kerja yang ditetapkan dan bagaimana anda harus menerapkannya dalam pekerjaan sehari-hari. Dengan cara ini juga, anda boleh menunjukkan nilai-nilai teras kemanusian syarikat kepada individu yang berinteraksi dengan anda. Ini akan menggalakkan persekitaran kerja yang lebih positif yang dapat memacu syarikat menjadi peneraju perniagaan yang dihormati di seluruh dunia.

NILAI-NILAI TERAS

Integriti

Berpegang teguh kepada nilai-nilai peribadi dan profesional yang tinggi dalam semua interaksi dan keputusan perniagaan.

Hormat & Bertanggungjawab

Menghormati individu-individu yang berinteraksi dengan kita dan persekitaran di mana kita beroperasi (secara dalaman dan luaran) dan bertanggungjawab dalam semua tindakan kita.

Berkeusahawanan

Meneroka dan merebut peluang dengan pantas dan bijaksana, dan mencabar sempadan yang sedia ada.

Kecemerlangan

Meluaskan rangkuman pertumbuhan untuk diri kita, perniagaan kita dan warga kerja kita melalui cita-cita teguh yang tidak berbelah bagi dalam mencapai hasil peribadi dan perniagaan yang cemerlang.

PRINSIP PERNIAGAAN - EVENING CREST SDN BHD

Asas syarikat ini telah dibina di atas Nilai-nilai Teras, yang memberi panduan kepada tindakan dan cara kami menjalankan urusan perniagaan kami. Ia juga diterapkan dalam Prinsip Perniagaan kami seperti berikut:

Kesihatan, Keselamatan dan Persekutaran

Kesihatan dan keselamatan adalah penting kepada Pekerja kami dan komuniti di mana kami beroperasi. Kami harus memastikan operasi perniagaan kami mempunyai kesinambungan dengan menangani masalah alam sekitar secara proaktif dan menghormati hak-hak asasi manusia tanpa menjaskannya penciptaan nilai ekonomi untuk jangkamasa panjang.

Pematuhan

Patuh kepada semua undang-undang dan peraturan di dalam negara di mana kami beroperasi. Bekerja dengan Komuniti Tempatan Terlibat dan melunaskan tanggungjawab sosial kepada komuniti tempatan di mana jua kami beroperasi, tanpa menjaskannya kepentingan mana-mana pihak.

Amalan Perniagaan Adil

Memastikan kami mengamalkan urusan perniagaan yang adil dan bersaing dengan cara yang beretika.